

# DR. PENGIRAN HASSANAL BAHAR PENGIRAN BAGUL TOKOH PENSYARAH CEMERLANG

**T**ahniah diucapkan kepada Dr.Pengiran Hasanal Bahar Pengiran Bagul kerana telah terpilih menjadi penerima Anugerah Pengajaran UMS baru-baru dalam Majlis Anugerah Inovasi 2010. Semoga dengan anugerah yang diperolehi akan dapat menjadi pencetus semangat kepada beliau untuk berusaha dengan lebih gigih lagi dalam kerjaya beliau. Ini merupakan pengiktirafan UMS terhadap pencapaian beliau dalam khidmat yang beliau curahkan dalam memberi kualiti pengajaran yang berinovasi. Hadiah dan penganugerahan telah di sampaikan oleh Naib Canselor UMS, Brig.Jen.Prof.Datuk Seri Panglima Dr.Kamaruzaman Hj.Ampon pada 3 November 2010. Seluruh warga SPE mengucapkan sekalung tahniah kepada Dr.Pg.Hasanal Bahar atas pencapaian cemerlang beliau.

